



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

KEUTAMAAN SEPULUH ZULHIJJAH

Tarikh Dibaca:

**29 ZULKAEDAH 1445H /
7 JUN 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَّا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KEUTAMAAN SEPULUH ZULHIJJAH

7 JUN 2024 / 29 ZULKADEAH 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْفَجْرِ ۖ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ۝ (سُورَةُ الْفَجْرِ)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Keutamaan Sepuluh Zulhijjah**”.

Sebelum itu, saya tanpa rasa jemu ingin mengajak seluruh umat Islam untuk terus mendoakan keselamatan penduduk Palestin yang sekian lama menjadi mangsa kekejaman rejim zionis Israel *laknatullahi alaihim*. Kejamnya zionis yang terus membantai

penduduk Palestin dan menyasarkan anak-anak kecil, kaum wanita dan orang awam yang tidak berdosa. Panjatkanlah sebenar-benar pertolongan kita kepada Allah SWT Yang Maha Gagah, Yang Maha Kuasa untuk membantu penduduk Palestin mencapai kebebasan dan memerdekaan tanah air mereka. Saya juga ingin menyeru kepada semua untuk mendoakan kesejahteraan dan keselamatan negara kita khususnya serta dijauhkan dari sebarang bentuk malapetaka, kekacauan, perbuatan khianat dan huru-hara.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kita sudah berada di penghujung Bulan Zulkaedah. Insya-Allah, kita akan memasuki Bulan Zulhijjah yang merupakan antara bulan haram yang memiliki beberapa kemuliaannya tersendiri. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Fajr yang saya bacakan pada awal khutbah tadi yang maksudnya:

“Demi waktu fajar. Dan (demi) malam-malam yang sepuluh”.

Menurut Ibn ‘Abbas, Abdullah bin al-Zubair, Mujahid dan ramai kalangan ulama salaf dan *khalaf* bahawa yang dimaksudkan dengan sepuluh malam dalam ayat ini ialah sepuluh hari (awal) Zulhijjah.¹

Sepuluh hari pertama Bulan Zulhijjah merupakan hari-hari yang paling utama berbanding dengan hari-hari yang lain. Baginda SAW juga menganjurkan untuk melakukan sebanyak-banyaknya amalan soleh pada hari-hari tersebut. Semua amal soleh yang dilakukan pada sepuluh hari ini lebih dicintai oleh Allah daripada amal-amal soleh yang dilakukan pada selain hari-hari tersebut. Amal-amal soleh yang dikerjakan pada sepuluh hari tersebut akan berlipat ganda pahalanya.

Rasulullah SAW bersabda:

¹ Ibn Kathir, Tafsir Ibn Kathir, 2/593. Dar Taibah

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعَمَّ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ عَرَقٌ وَجَلٌّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ، يَعْنِي أَيَّامُ الْعَشْرِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَلَا جِهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ قَالَ: وَلَا جِهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَا لِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ شَيْءٌ.

Maksudnya: “Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini (10 hari terawal Zulhijjah).” Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah! Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya?” Baginda bersabda, “Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali (mati syahid)”.²

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ada beberapa keutamaan sepuluh pertama Zulhijjah yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Padanya, Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk banyak bertasbih, bertahlil, dan bertahmid:

وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ

Maksudnya: “serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban)”. (**Surah al-Hajj ayat 28**)

Rasulullah SAW juga memberitahu secara jelas tentang keutamaan sepuluh pertama Zulhijjah melalui sabda baginda:

² Diriwayatkan dari Sahabat Ibnu ‘Abbas *radhiyallahu anh*. Hadis riwayat Imam al-Bukhari, Abu Daud, al-Tirmidzi, Ibnu Majah, al-Darimi (II/25), Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban (no. 324, *al-Ta’liqatul-Hisan*), al-Tahawy dalam *Syarh Musykili Athar* (no. 2970), Ahmad (I/224, 339, 346)), al-Baghawi dalam *Syarh al-Sunnah* (no. 1125), Abu Daud al-Tayalisi dalam *Musnad*-nya (no. 2753), Abdul Razzaq dalam *al-Musannaf* (no. 8121), Ibnu Abi Syaibah dalam *al-Musannaf* (, al-Baihaqi (IV/284), dan al-Tabrani dalam *al-Mu’jam al-Kabir*.

أَفْضَلُ أَيَّامِ الدُّنْيَا أَيَّامُ الْعَشْرِ، يَعْنِي : عَشْرَذِي الْحِجَّةِ، قِيلَ : وَلَا مِثْلُهُنَّ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟

قَالَ : وَلَا مِثْلُهُنَّ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، إِلَّا رَجُلٌ عَفْرَوْجَهُ فِي التَّرَابِ

Maksudnya: “Hari-hari yang paling utama di dunia ini iaitu hari yang sepuluh, yakni sepuluh hari pertama Zulhijjah”. Baginda ditanya, “Termasuk lebih utama dari jihad pada jalan Allah?” Baginda menjawab, “Termasuk lebih utama dari jihad pada jalan Allah. Kecuali seseorang yang menutup wajahnya dengan debu (mati syahid)”.³

Al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani berpendapat keistimewaan sepuluh hari Zulhijjah kerana terkumpul padanya segala ibadah-ibadah utama; iaitu solat, puasa, sedekah (zakat) dan haji. Ini tidak terdapat pada waktu yang lain.⁴ Di dalamnya juga terdapat Hari Arafah, yang disebut sebagai pelengkap kepada ibadah haji iaitu berwukuf di Arafah. Nabi SAW bersabda:

الْحَجُّ عَرَفةُ

Maksudnya: “Haji itu wukuf di Arafah”.⁵

Satu lagi ibadah agung yang terdapat dalam Bulan Zulhijjah ialah ibadah korban yang disyariatkan pada hari kesepuluh dan hari-hari tasyrik iaitu 11, 12, dan 13 Zulhijjah. Bagi sesiapa yang telah merancang untuk melaksanakan ibadah korban, dia tidak boleh memotong kuku atau rambutnya ketika sudah masuk tanggal 1 Zulhijjah sehingga dia memotong haiwan korbannya. Diriwayatkan dari Ummu Salamah radhiyallahu anha, bahwasanya Nabi SAW bersabda:

مَنْ كَانَ لَهُ ذَبْحٌ يَذْبَحُهُ فَإِذَا أَهْلَهِلَّ ذِي الْحِجَّةِ، فَلَا يَأْخُذُنَّ مِنْ شَعِيرِهِ وَلَا مِنْ

أَظْفَارِهِ شَيئًا حَتَّى يُضْحِي

³ Hadis riwayat al-Bazzar dalam *Kasyf al-Astar* (II/28, no. 1128).

⁴ Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bari*, 2/459. Beirut: Dar al-Ma’rifah

⁵ Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi (no. 889), dan lainnya.

Maksudnya: “Barangsiapa yang memiliki haiwan yang hendak dia sembelih (pada hari raya), jika sudah masuk tanggal 1 Zulhijjah maka janganlah memotong (mencukur) rambutnya dan kukunya sedikit pun, sehingga dia menyembelih korbannya”.⁶

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, dalam tempoh sepuluh hari awal Zulhijjah ini marilah kita berusaha bersungguh-sungguh melakukan segala amalan yang mendapat pahala di sisi Allah. Begitu juga kita wajar menjauhkan diri dari dosa dan perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Kita berusaha memperbaiki ibadah-ibadah yang fardhu seperti solat dan melakukan sebanyak-banyaknya ibadah sunat seperti puasa, sedekah, bacaan al-Quran, zikir, *tahmid*, takbir, tahlil, tolong-menolong untuk kebaikan, menyebarkan ilmu, menyantuni anak yatim, membantu orang yang kesusahan, memberikan makan dan seumpamanya.

Mengakhiri khutbah hari ini, saya simpulkan;

Pertama: Bulan Zulhijjah merupakan antara bulan haram yang memiliki beberapa kemuliaan dan keutamaannya yang tersendiri.

Kedua: Keistimewaan sepuluh hari awal Zulhijjah kerana terkumpul padanya segala ibadah-ibadah utama; iaitu solat, puasa, sedekah (zakat) dan haji.

Ketiga: Kita dituntut untuk memperbaiki ibadah-ibadah fardhu, memperbanyakkan amalan sunat serta menjauhkan diri dari perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hajj ayat 31:

حُنَفَاءَ لِلَّهِ غَيْرُ مُشْرِكِينَ بِهِ وَمَنْ يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَكَانَمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخْطَفُهُ الطَّيْرُ أَوْ

تَهْوِي بِهِ الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَاحِقٍ ^{٢١}

Maksudnya: “(Amalkanlah perkara-perkara itu) dengan tulus ikhlas kepada Allah, serta tidak mempersekuatkan sesuatu pun denganNya; dan sesiapa yang mempersekuatkan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihumbangkan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan)”.

⁶ Hadis riwayat Imam Muslim

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقْاتَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّكُمِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ

التابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَّ لَهُ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْرِي مُهَا مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدَا يُغْرِي د-فُرْتوَانَ اكْنُوَغْ سُلْطَانَ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْرِي مُهَا مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدَا راجِ فِرْمَايِسُورِي اكْنُوَغْ، راجِ زَارِيَثْ صُوفِيَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصِرْ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ارْحِمْ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ الْغَمَةَ عَنْ أُمَّتِنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تُرْفَعَ الْبَلَاءُ عَنْ غَرَّةِ وَاهْلِهَا، وَأَنْ

تُنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تُرْحِمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تُكْشِفَ الْغَمَةَ عَنْ

أُمَّتِنَا، اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالْطُّفْ بَنَآ وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اكْفِنَا

وَإِيَّاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَابِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا

وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلْدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.